


## PERUTUSAN KHAS MENTERI PELAJARAN DAN INOVASI

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pelajar-pelajar anak Sabah yang dikasihi.

1. Kita semua sedar bahawa serangan virus Covid 19 yang melanda dunia pada masa ini, sedikit sebanyak telah melumpuhkan aktiviti pembelajaran para pelajar semua, tidak kira di Semenanjung, Sarawak, Sabah dan Luar Negara. Keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan dan kegusaran bukan sahaja di kalangan pelajar malahan juga kepada ibu bapa.
2. YAB Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah dan Kerajaan Negeri sebenarnya amat perihatin dengan kesukaran yang dilalui oleh para pelajar. Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan dari segi bekalan makanan dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang terkandas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula-mula dikuatkuasakan. Sila juga berhubung dengan pengurusan universiti atau kolej masing-masing untuk sebarang informasi terkini.
3. Banyak soalan telah diajukan kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah berkenaan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan semasa PKP. Jawapan kepada soalan tersebut boleh diakses dalam ruangan 'soalan lazim' dan sekiranya terdapat soalan selain daripada yang kebiasaannya diajukan, bolehlah dikemukakan terus dalam ruangan pertanyaan yang disediakan melalui portal rasmi Kementerian Pelajaran dan Inovasi Negeri Sabah <https://kpins.sabah.gov.my> atau emel ke [MuslehaKhairunisa.Muluk@sabah.gov.my](mailto:MuslehaKhairunisa.Muluk@sabah.gov.my)
4. Dalam keadaan ini, saya merayu semua pelajar Sabah di mana pun kalian berada, agar sentiasa bertenang dan mematuhi arahan PKP untuk berada di tempat masing-masing. Kita mahu pelajar-pelajar Sabah menjaga imej Negeri kita dan imej kita sebagai 'Sabahan'. Saya yakin PKP ini bersifat sementara dan kita mesti memberikan kerjasama untuk menghalang penularan Covid 19 ini. Gunakanlah masa yang ada dengan perkara-perkara bermanfaat dan teruskan pembelajaran melalui atas talian seperti yang dianjurkan oleh IPT masing-masing.
5. Marilah sama-sama kita berdoa agar kehidupan kita akan segera kembali pulih seperti sedia kala di mana para pelajar dapat meneruskan pembelajaran tanpa perasaan risau dan tertekan. Saya sentiasa mendoakan semoga para pelajar anak Sabah akan terus berjaya dan cemerlang dalam apa keadaan sekalipun.

Sekian, terima kasih.



**DATUK DR. YUSOF BIN YACOB**

Menteri Pelajaran Dan Inovasi Sabah